

Kali kedua Syed Razak temui PM 23

ALOR SETAR 7 Dis. — Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain hari ini sekali lagi mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya.

Beliau yang disebut-sebut sebagai bakal Menteri Besar Kedah yang baru bagaimanapun berkata, pertemuan tersebut hanya membincangkan tentang projek pembangunan dan perkembangan semasa di negeri ini.

Syed Razak yang juga bekas Exco kanan kerajaan negeri enggan mengulas sama ada pertemuan pada sebelah pagi tadi turut membincangkan tentang pelantikan Menteri Besar.

"Bukan saya seorang sahaja yang Perdana Menteri jumpa, beliau juga berjumpa dengan orang lain," katanya ketika dihubungi petang ini.

Ini adalah pertemuan kali kedua Syed Razak dengan Perdana Menteri dalam tempoh 24 jam.

UM - 8 DEC 1999